

**NO SOALAN :37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
(JASIN)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 21.03.2018**

**Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH [ JASIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kos sebenar pembinaan MRT 1 & 2, kemampuan membayar balik sedangkan MRT ini tidak self-financing, tahap ridership sejak dilancarkan hingga kini berbanding dengan unjuran asal serta dan usaha untuk meningkatkan ridership tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kos sebenar pembinaan MRT Laluan Satu yang menghubungkan Sungai Buloh - Kajang sepanjang 51 km adalah RM21 bilion. Kos ini adalah kurang daripada kos sasaran asal sebanyak RM23 bilion. Kos

sasaran untuk MRT Laluan Dua yang menghubungkan Sungai Buloh-Serdang-Putarajaya pula dianggarkan sebanyak RM32 bilion. Sebagai projek Infra Rakyat yang bertunjangkan kepentingan rakyat, perkhidmatan MRT akan menjana dan memacu pertumbuhan ekonomi negara dalam jangka masa panjang di samping meningkatkan kualiti hidup rakyat. MRT Laluan Satu adalah contoh projek yang mampu memberi impak secara langsung kepada kehidupan rakyat seramai 1.2 juta orang penduduk sepanjang koridor laluan ini.

Kerajaan mengunjurkan sebanyak 400,000 pengguna perkhidmatan MRT sehari apabila MRT Laluan 1, MRT Laluan 2 dan MRT Laluan 3 siap sepenuhnya menjelang 2025 serta mencapai tempoh matang pembangunan di sepanjang jajaran MRT tersebut. Sejak pembukaan MRT Laluan 1 pada Disember 2016, sebanyak 22 juta orang telah menggunakan perkhidmatan MRT Laluan 1. Statistik purata pengguna sehari telah meningkat pada kadar yang memberansangkan iaitu sebanyak lebih 10 kali ganda dimana sebanyak 139,307 pengguna sehari pada bulan Februari 2018 berbanding 13,970 pengguna sehari pada bulan yang sama tahun 2017. Peningkatan ketara adalah hasil usaha berterusan Kerajaan untuk menggalakkan rakyat menggunakan perkhidmatan MRT dengan mengadakan sesi perjumpaan bersama wakil persatuan penduduk, agensi-agensi

Kerajaan, institut pengajian tinggi awam serta swasta dan sekolah-sekolah bagi memperkenalkan perkhidmatan MRT Laluan 1 serta kepada orang ramai. Kerajaan juga sentiasa prihatin kepada kebajikan pengguna dengan mengenakan kadar tambang yang rendah serta memperkenalkan pakej tambang mingguan, bulanan serta pakej konsesi kepada orang kurang upaya, pelajar dan warga emas.

Di samping itu, usaha berterusan Kerajaan dengan mengadakan program-program seperti liputan berita di media massa dan media sosial berkenaan tempat-tempat menarik sebagai salah satu inisiatif menggalakkan rakyat mengguna perkhidmatan MRT. *Trend* peningkatan pengguna MRT dijangka akan terus bertambah secara berterusan kerana lebih ramai pengguna mula menyedari kelebihan menggunakan perkhidmatan MRT berbanding mod pengangkutan lain.

Pembinaan projek-projek infra rakyat seperti projek MRT tidak hanya diukur dari segi kemampuan membayar balik kos projek. Ianya perlu dilihat dari segi impak ekonomi dimana projek MRT dijangka mampu menjana sekitar 130,000 peluang pekerjaan baharu yang akan menyumbang kepada Pendapatan Kasar Negara antara RM3 bilion

dan RM4 bilion setahun, hasil daripada industri pembinaan dan operasi MRT dari 2011 hingga 2020 dan RM8 bilion hingga 12 billion Pendapatan Kasar Negara akan dijana secara tidak langsung. Projek MRT mendorong pembangunan dan aktiviti perniagaan dengan membolehkan stesen berintegrasi dengan aktiviti perniagaan seterusnya menarik menarik minat pengguna menggunakan perkhidmatan MRT sebagai mod pengangkutan.

MRT juga membuka peluang bagi *Transit-Oriented Development* (TOD) untuk Kerajaan merancang pembangunan dengan harga yang mampu untuk rakyat. Ia juga akan meningkatkan nilai hartanah melalui penambahbaikan kesalinghubungan. Dianggarkan nilai pembangunan kasar akan meningkat RM300 juta setahun. Dari segi sosio ekonomi pula, projek MRT dijangka meningkatkan tahap produktiviti serta mutu kehidupan yang lebih baik.

Sebagai contoh, tahap produktiviti dijangka meningkat kepada 280 juta jam setahun. Ini adalah berdasarkan kepada tempoh masa perjalanan yang dapat dikurangkan disebabkan tiada kesesakan lalu lintas. Ini boleh ditafsirkan kepada RM20 bilion setahun dari segi kos penjimatan masa.